

DATE: 21/1/2010

UAE pintu masuk barangan halal Malaysia

Najib harap rakyat buka minda, sanggup terima perubahan selaras Wawasan 2020



Dzulkefly
Zanudin
di Abu Dhabi

LAWATAN rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE), terutama Abu Dhabi selama empat hari, berakhir kelmarin, membuktikan hubungan dua hala dan dagangan kedua-dua negara kian matang dan berkesan untuk kebaikan bersama. Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor kemudian ke India untuk lawatan rasmi lima hari, bermula di New Delhi sebelum ke Chennai.

Kunjungan Najib ke UAE, serentak Sidang Puncak Tenaga Masa Depan Dunia 2010 di Abu Dhabi itu dari 18 hingga 21 Januari bageikan rahmat untuk memanfaatkan kepakaran dan pengalaman satu sama lain dalam dunia kian mencabar dari isu kewangan hingga alam sekitar. Malaysia yang memang dikenali negara membangun yang menonjol di kalangan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Asean dan pada persada politik antarabangsa, turut berjaya dari segi projek pembangunan dan hartanah.

Kewujudan projek hartanah ikonik dan mega seperti Menara Berkembar Petronas, pusat pentadbiran di Putrajaya, selain projek komersial seperti Litar Formula 1 di Sepang serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sering menjadi pujian dan tumpuan pemimpin negara membangun, malah dicemburui negara maju, terutama Barat.

Kemampuan syarikat dan konglomerat Malaysia dalam projek pembangunan mega dan penting seperti Lebuhraya Utara-Selatan selain kepakaran profesional Malaysia dalam pelbagai perkhidmatan seperti pengurusan projek, arkitek, guaman, perundingan kewangan, pengurusan risiko serta hospitaliti.

Kehadiran Petronas yang mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan syarikat minyak dan gas gergasi dunia, turut menjadi lesen besar dalam menaikkan imej diplomatik Malaysia di kalangan negara dunia, terutama negara Islam dan membangun.

Lantaran itu, lawatan Najib dengan barisan delegasi termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; selain Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, ke UAE mampu membuka lembaran lebih luas dalam hubungan dua hala Kuala Lumpur-Abu Dhabi.

Rangka kunjungan padat dengan atur cara kunjungan hormat, diplomatik, dagangan dan sidang an-



NAJIB melihat model bangunan tertinggi dunia Burj Khalifa di Abu Dhabi dengan ketinggian 828 meter.

tarabangsa itu turut menjadi ukuran kepemimpinan Najib sebagai pemimpin dunia pada abad ke-21, menjejak legasi ditinggalkan Allahyarham bapanya, Tun Abdul Razak Hussein yang terkenal ketika eranya pada zaman pasca Perang Dingin menerusi Asean dan Pertubuhan Negara Berkecuali (NAM).

Ketokohan Najib sebagai pemimpin dunia serta kebijaksanaan diplomasinya di arena antarabangsa memungkinkan usaha memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan kepakaran dalam pelbagai bidang untuk dimanfaatkan bersama.

Pada sidang akhbar hari terakhir lawatan ke UAE, Perdana Menteri berkata, operasi syarikat dan profesional Malaysia di UAE bukti kemampuan jenama Malaysia di rantau Teluk serta jaminan mutu hasil kerja bertaraf dunia.

Malaysia pula yang semakin memberi tumpuan kepada teknologi hijau, terutama penubuhan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, tahun lalu mahu memanfaatkan kepakaran dan pengalaman UAE, terutama Abu Dhabi menyuntik sentuhan projek mesra alam dalam projek pembangunan dan pembinaannya.

Sempena lawatan kali ini, Najib yang juga Menteri Kewangan dan Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan menyaksikan perjanjian usaha sama antara Malaysia Development Berhad (IMDB) dan Masdar, iaitu anak syarikat penuh Syarikat Pembangunan Mubadala, Abu Dhabi, iaitu agensi pelaburan UAE, memabitkan pelaburan AS\$100 juta untuk menerokai projek teknologi hijau dan pelaburan, termasuk cadangan membina bandar raya bebas karbon pertama di Malaysia.

Dalam pada itu, Kuala Lumpur mahu meningkatkan kemasukan dana pembiayaan asing dari negara rantau Teluk, serta dijadikan hab

dan pintu masuk produk dan perkhidmatan dari Malaysia.

Sektor penanaman modal dan perkhidmatan dilihat mampu membuka lembaran baru bagi mengeratkan hubungan dagangan dan diplomatik antara Malaysia dan UAE sejak kedua-dua negara menghulur salam diplomatik sejak 1983.

Pada 2008, jumlah dagangan Malaysia-UAE AS\$6 bilion dengan eksport ke UAE mencatat AS\$3.4 bilion serta import AS\$2.6 bilion. Imbangan dagangan menguntungkan Malaysia menerusi barang kemas, elektronik, minyak sawit dan perabot, manakala UAE pula mengeksport minyak mentah. Bagaimanapun, tahun lalu nilai dagangan dijangka menyusut 15 peratus kesan krisis kewangan antarabangsa.

UAE penting sebagai pintu masuk dan pusat pengedaran barangan eksport, termasuk barangan halal yang berpotensi dari Malaysia ke rantau Teluk, Asia Barat, Asia Tengah dan Afrika. Najib berkata, bagi memanfaatkan serta memastikan hubungan dagangan serta hubungan baik itu, syarikat Malaysia perlu mengutamakan mutu dan hasil kerja untuk mengekalkan kepercayaan diberikan pihak berkuasa UAE kepada mereka. Lantaran itu, katanya, prestasi syarikat Malaysia perlu mengikut tanda aras antarabangsa bagi membida projek mega di rantau Teluk.

Mengenai lawatan itu, Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan hasilnya, terutama sambutan menggalakkan dan pencapaian memuaskan. Kunjungan hormat dan jamuan makan dengan Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohammad Zayed Al Nahyan, turut memberi laluan Mubadala mengenai pasti pelaburan baru di Malaysia, termasuk bidang hospitaliti seperti hotel. Bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan dagangan kedua-dua negara, Sheikh Mohammad menyatakan hasrat

melawat Malaysia, tahun ini.

Najib turut membuat kunjungan hormat ke atas Putera Mahkota Wilayah Barat, Sheikh Hamdan Zayed Al Nahyan yang berhasrat melawat Malaysia, tahun ini selain diberitahu mengenai peluang pembangunan seperti lebuhraya dan perbandaran yang boleh disertai syarikat Malaysia. Katanya, sepanjang lawatan itu, beliau dimaklumkan syarikat dan profesional Malaysia berjaya dalam bidaan projek antarabangsa di UAE sebagai kontraktor, pengurus projek serta penawaran khidmat profesional seperti pakar kewangan dan peguam.

Perdana Menteri berkata, hasil pertemuan dengan Pemerintah Dubai, Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum yang juga Perdana Menteri UAE, beliau menghargai peluang diberikan kepada syarikat Malaysia, terutama dalam projek pembangunan ikonik, Meydan, Dubai.

Dari segi sektor perkhidmatan, katanya, kisah kejayaan syarikat restoran makanan segera, Marraybrown dari Malaysia membuka 11 cawangan di UAE dalam 10 tahun serta mahu memperluaskan operasi ke Syria, Mesir dan Kenya, antara contoh terbaik kemampuan syarikat Malaysia menjadi jenama antarabangsa.

Dalam satu pertemuan dengan 200 rakyat Malaysia di sini, sebelum ini, Najib berharap syarikat Malaysia menetapkan piawaian standard tertinggi dalam hasil kerja, termasuk mengotakan janji dan menyiapkan kerja dalam tempoh ditetapkan. Beliau yang berbangga dengan khidmat dan kemahiran kira-kira 6,000 Malaysia, terutama dalam pelbagai pembangunan di UAE sama ada Abu Dhabi dan Dubai.

"Penyertaan rakyat Malaysia di sini menggambarkan semangat Malaysia berikutan semua kaum diberi kepercayaan dalam projek pembangunan Abu Dhabi dan UAE dengan syarat ada kepakaran," katanya.



*Kehadiran
Petronas*

yang mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan syarikat minyak dan gas gergasi dunia, turut menjadi lesen besar dalam menaikkan imej diplomatik Malaysia di kalangan negara dunia, terutama negara Islam dan membangun"

Najib Razak
Perdana Menteri

Kemampuan rakyat Malaysia berfikir terbuka serta berusaha gigih untuk berjaya dalam bidang masing-masing turut mencetus harapan Najib agar warga kita di tanah air bersedia membuka minda dan sanggup menerima sebarang perubahan dengan menyokong iltizam kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara maju selaras sasaran Wawasan 2020.

"Untuk mengubah Malaysia (menjadi negara maju) kita perlu berfikir terbuka, berani dan melihat dunia dari sudut lain. Kita perlu kikis sikap remeh-temeh dan hentikan perasaan dengki sesama sendiri. Jika rakyat tidak mengubah sikap dan fikiran (negatif), Malaysia tidak akan boleh menjadi negara maju abad ke-21.

"Saya mahu Malaysia menjadi contoh gemilang sebuah negara maju pada abad ke-21. Saya harapkan sokongan rakyat untuk membantu kerajaan melaksanakan rancangan memajukan Malaysia dan melakukan perubahan. Oleh itu, kita perlu bersatu dan berganding bahu dalam semangat 1Malaysia bagi memajukan Malaysia," katanya.

Kunjungan itu juga mampu menggalakkan kedatangan pelancong Teluk. Pada 2008 kira-kira 40,000 pelancong Teluk datang ke Malaysia tetapi angka itu dijangka menyusut 30 peratus tahun lalu berikutan kes Influenza A (H1N1). A i rAsia turut mengadakan penerbangan lima kali seminggu ke sini, sejak November lalu.

Ketika menyampaikan ucapan sesi pembukaan pleno Sidang Puncak Tenaga Masa Depan Dunia 2010 di Pusat Pameran Kebangsaan Abu Dhabi, pada 18 Januari lalu, Najib yang membuat penampilan sulung sidang puncak masuk tahun ketiga itu berkata, masyarakat dunia perlu lebih tegas menangani isu pemanasan global dan sumber tenaga bagi memastikan kehidupan lebih selesa, untuk generasi akan datang.